



KOPI PAHIT

Di dalam perjumpaan Parti Rakyat Singapura, Ketua Umumnya, saudara Ahmad Boestamam mengatakan bahawa Parti Rakyat bukan Parti Melayu dan ia adalah bekerja mencari perpaduan bagi seluruh rakyat. Kerana itulah agaknya ia menghendaki percantuman di antara Singapura dan Tanah Melayu sebab yang diperjuangkan bukannya menegakkan hak-hak Melayu tetapi hak-hak rakyat. Sekarang orang-orang tentu tahulah ke mana Parti Rakyat dihalakan.

* * *

Di dalam perjumpaan itu juga, Dr Burhanuddin, Ketua Pas telah memberi ucapan dikatakan tidak dimulai dengan Salam dan tidak ditutup dengan Salam tetapi dimulai dengan pekik merdeka dan ditutup pula dengan pekik merdeka. Jika pada masa yang lampau beliau berbuat begitu orang-orang yang mendengarnya tidak termengkelan tetapi sekarang tentunya lain kerana tidakkah beliau sekarang Ketua Persatuan Islam Semalaya yang sepatutnya memberi contoh lebih aulau Islam daripada pekik merdeka. Diharap benar Dr akan beringat-ingat lain kali – jangan terbawa-bawa atau terlatah oleh orang lain! Ingat-ingat Bung Dr!

* * *

Apabila tuntutan-tuntutan pertubuhan-pertubuhan Melayu keras maka parti-parti lain bangsa cuba-cuba memujuk – mereka berdukacita dan sebagainya dan mereka melembutkan gigi mereka daripada lidahnya lalu mengatakan bahawa mereka menginsafi kelemahan orang-orang Melayu (yang berhak di dalam negerinya- P) dan kemudian menguar-uarkan bahawa mereka hendak menolong orang-orang Melayu. Janji-janji ini selalu benar diberi kepada orang-orang Melayu apabila mereka berkeras atau menuntut sesuatu tetapi apakah yang telah jadi? Janji tinggal janji, dan orang-orang Melayu terus juga melarat. Adakah orang-orang Melayu akan mahu lagi diberi janji-janji semata?

* * *

Apabila UMNO Singapura berkeras dengan tuntutannya lalu Tunku Abdul Rahman datang atau didatangkan ke Singapura supaya

memujuk UMNO Singapura supaya berdamai. Tunku di katakan mengingatkan supaya jangan berkeras-keras sangat – biar dicapai kemerdekaan dahulu. Jika betul demikian ini tentunya orang-orang akan bertanya: Apakah Tunku berfikir sesudah merdeka nanti akan lebih senang mengadakan tuntutan dari sekarang kepada anak-anak dagang itu? Adakah Tunku akan masih berpendapat, seperti yang pernah dicakapkannya dahulu, bahawa sekiranya merdeka sudah dapat – untuk menghadapi ini, sambil sahaja?! Kalau begitu juga sudah terang bahawa UMNO tidak ada mempunyai program politiknya.

* * *

Orang-orang Melayu di dalam Parti Libur sebanyak 1,700 orang dikatakan akan meletakkan jawatan beramai-ramai. Sebabnya ialah kerana rancangan bantuan ekonomi Melayu yang dibawa oleh Tuan Marshal telah ditolak. Dengan penolakan kerana penapisan baru – dipandang mereka bermakna bahawa mereka hanya dijadikan alat sahaja di dalam sesuatu hal - sedang janji balik kepada janji juga. Ini patutnya jadi pengajaran supaya jangan percaya kepada janji-janji “orang”.

* * *

Sukarno dahulu pernah mengatakan tatkala memberi nama kepada kapal terbang hadiah Soviet dengan nama Martimbang iaitu nama yang diambil daripada nama sebuah bukit yang mengikat perpecahan-perpecahan bukit di Tapanuli. Niatnya terang sebagai simbol persatuan dan diertikan oleh orang ramai bahawa dengan faham komunis itulah umat Indonesia dapat disatukan. Hal ini lebih terang dan jelas lagi sekarang dapat dikaji daripada konsepsi Sukarno di dalam mana ia menghendaki komunis sama-sama di dalam pemerintahan; sedang di dalam susunan pemerintahannya tidak lagi bergantung kepada Jemaah Menteri tetapi mesti menerima nasihat dari Dewan Nasional yang diketuai oleh Sukarno sendiri. Jika diperhati maka zahir caranya yang dibuat tentulah setelah mendapat ilham dari negeri-negeri Soviet dan China kerana cara pemerintahan itu mirip atau persis seperti di negeri komunis! Kalau terjadi – *Afuuuu berabuuu!* Dan tentunya penumpahan darah hebat-hebat akan berlaku di Indonesia – dan lebih-lebih perlu diperingatkan: orang-orang Islam akan jadi korbannya! Kalau mahu keterangannya atau rahsianya lebih jauh tanya sama: